

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

SPW201 - Pentadbiran Awam

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **TIGA (3)** soalan.

1. Istilah “negara pentadbiran” sering digunakan untuk menyifatkan negara-negara di mana pentadbiran awamnya adalah besar dan memainkan peranan penting dalam pemerintahan negara. Nilaikan pandangan bahawa kemunculan negara pentadbiran di negara-negara moden merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

[100 markah]

2. Prinsip tanggung jawab menteri telah menjadi sesuatu yang bermasalah di dalam kerajaan berparlimen. Adakah prinsip ini harus dikekalkan, diubahsuai atau dimansuhkan sama sekali?

[100 markah]

3. Nilaikan peranan kumpulan-kumpulan berkepentingan dalam mengawal pentadbiran awam di dalam kerajaan demokratik.

[100 markah]

...2/-

[SPW 201]

4. Nilaiikan "birokrasi representatif" sebagai satu cara untuk menjadikan birokrasi (iaitu pentadbiran awam) lebih responsif kepada masyarakat.

[100 markah]

5. Pemerintahan demokratik dalam keadaan negara pentadbiran dikatakan memerlukan lebih daripada demokrasi berperwakilan, tetapi ini juga bererti bahawa kewajipan seorang pentadbir tidak begitu jelas lagi. Bincangkan, dengan merujuk kepada kewajipan seorang pentadbir di dalam proses pembentukan dasar.

[100 markah]

-- oo o0o oo --